

16/10/2000

Elak bawa anak ke tempat awam jauhi jangkitan

IPOH, Ahad - Mengelak kanak-kanak terutama berusia kurang lima tahun daripada mengunjungi tempat tumpuan awam dianggap cara terbaik memastikan mereka tidak terdedah jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut.

Sehubungan itu, ibu bapa dinasihat jangan membawa anak ke tempat tumpuan awam termasuk di pusat beli-belah bagi mengelak kemungkinan dijangkiti penyakit berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, S Sothinathan, berkata langkah tidak mendedahkan kanak-kanak di tempat awam adalah cara terbaik membendung wabak itu daripada merebak ketika semakin banyak kes jangkitan berkenaan dilaporkan termasuk di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

"Kementerian bimbang kanak-kanak yang dibawa ke tempat tumpuan terutama ketika musim perayaan, memungkinkan mereka dijangkiti wabak berkenaan.

"Bagaimanapun, kecuali di Johor Bahru, wabak itu belum sampai ke tahap membimbangkan atau boleh menimbulkan panik di kalangan ibu bapa," katanya selepas merasmikan perayaan Hari Kanak-Kanak 2000 anjuran Pusat Sri Murugan di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas suasana panik yang timbul di kalangan masyarakat berikutan wabak tangan, kaki dan mulut yang sudah merebak ke beberapa tempat di negara ini terutama di Johor Bahru.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat mematuhi nasihat kesihatan serta tidak panik kerana wabak itu belum mencapai tahap membimbangkan dan terkawal.

Sothinathan berkata, ibu bapa dinasihatkan tidak membawa anak ke tempat tumpuan awam termasuk pusat beli-belah yang mungkin dikunjungi pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelawat dari Singapura.

(END)